

Program anti rasuah perlu dipertingkatkan

BH 1 APR 2002

Oleh Munaarfah Abu Bakar, Norbakti Alias, Noraznida Ramli dan Nazura Ngah

KUALA LUMPUR, Ahad — Program pencegahan anti rasuah perlu dipertingkatkan secara lebih serius melalui pendidikan dan laporan media bagi mewujudkan sikap anti rasuah dalam masyarakat, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Katanya, sehingga kini tidak ada usaha serius mendidik masyarakat, terutama pada peringkat sekolah bagi memupuk rasa benci generasi muda terhadap amalan jenayah itu.

“Pendekatan melalui pendidikan dan program kempen pencegahan bagi pendedahan mengenai keburukan rasuah tidak kelihatan sangat. Kaedah ini perlu kita terapkan kepada masyarakat agar membenci rasuah,” katanya ketika dihubungi *Berita Harian* di Kelantan hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada dialog dengan kakitangan kerajaan di Selangor kelmarin yang meminta kakitangan awam menerapkan amalan bebas rasuah dalam tugas harian bagi memastikan jentera pentadbiran ber-

jalan lancar.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman ketika mengulas perkara itu mahu perkhidmatan awam peringkat negeri menubuhkan jawatankuasa khas memantau masalah rasuah di kalangan kakitangan.

Samsudin berkata, setakat ini, jawatankuasa itu hanya wujud pada peringkat Kabinet dan jabatan peringkat Persekutuan dan pihaknya ada mekanisme tersendiri untuk menangani masalah itu.

Dr Rais juga berkata, media perlu berani membuat pendedahan menerusi laporan yang berasas mengenai kegiatan rasuah, sekali gus dijadikan teladan kepada orang ramai.

“Bagaimanapun, laporan perlu berasaskan fakta meliputi jenayah rasuah yang dilakukan semua golongan dan tidak pihak tertentu saja,” katanya.

Katanya, peruntukan undang-undang Akta Pencegahan Rasuah sudah agak mencukupi tetapi perlu pelarasan kerja lebih telus dan berkesan menguatkuasakannya, penyiasatan dan pendakwaan.

Selain itu, katanya, sikap melindungi pesalah rasuah juga perlu dihentikan oleh semua pihak kerana kecen-

derungan berbuat demikian tidak akan menghentikannya.

Di ALORSTAR, Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata, jawatankuasa khas memantau masalah rasuah di kalangan kakitangan awam negeri wajar diwujudkan khususnya di tempat panas seperti yang terbabit secara langsung dengan orang ramai.

Katanya, jawatankuasa itu wajar memantau bahagian pelesenan, tender dan permohonan tanah di setiap pejabat tanah, majlis daerah atau majlis perbandaran kerana ia dianggap bahagian sensitif yang sering menjadi sasaran fitnah rasuah.

Di KUALA TERENGGANU, Menteri Besar, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata, kerajaan negeri tidak bercadang menubuhkan jawatankuasa khas kerana sudah wujud Jawatankuasa Hisbah untuk memantau dan mengatasi masalah rasuah.

Katanya, langkah menubuhkan jawatankuasa khas hanya mewujudkan pertindihan tugas.

Beliau berkata, Pesuruhjaya Hisbah yang baru akan dikemukakan pada persidangan Dewan Undangan Negeri, 12 April ini bagi menggantikan Idris Othman yang meninggal dunia November tahun